




# GARIS PANDUAN PEMATUHAN STANDARD FILEM PENGHADANG HABA KENDERAAN 2019

A background image showing a person's hand resting on a motorcycle handlebar. The image is slightly blurred and has a dark, muted color palette, serving as a backdrop for the text.

## **Pengenalan**

Bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import dan eksport dan peruncit supaya mematuhi standard yang disyorkan oleh KPDNHEP

# DEFINISI

## FILEM PENGHADANG HABA KENDERAAN

- Filem penghadang haba yang digunakan pada kaca kenderaan mengambil kira faktor ketelusan cahaya (VLT), transmisi ultralembayung, jumlah transmisi tenaga solar dan keperluan lain yang berkaitan yang disebut dalam versi terkini MS 2669.

## PENGELUARAN

- Apa-apa perihal mengeluarkan, usaha (proses) menghasilkan dan penghasilan semua jenis filem penghadang haba yang digunakan untuk kenderaan.

## DEFINISI

### PENGEDARAN

- Apa-apa perbuatan atau hal mengedarkan semua jenis filem penghadang haba kenderaan termasuklah mengimport atau mengeksport.


### PERUNCITAN

- Apa-apa penjualan atau pembelian untuk penjualan atau pemasangan semua jenis filem penghadang haba.

# DEFINISI


## FILEM PENGHADANG HABA YANG DILULUSKAN

- Filem penghadang haba kenderaan yang telah lulus ujian versi terkini MS 2669 dan pensijilan oleh Pihak Berwibawa dan telah direkodkan oleh KPDNHEP untuk dipasarkan di Malaysia.

A background image showing a person's hand resting on a car's steering wheel, with the car's interior and a view through the windshield visible.

## **PEMATUHAN**

Mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan semua jenis filem penghadang haba kenderaan dalam Malaysia (“Pemilik Produk”) disyorkan untuk mematuhi Garis Panduan ini

A close-up, slightly blurred photograph of a person's hand resting on a car's gear shift. The hand is light-skinned and appears to be wearing a ring on the ring finger. The background shows the interior of a car, including the steering wheel and dashboard, which are out of focus. The overall tone is professional and automotive.

## **PIHAK BERWIBAWA**

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. sebagai badan pensijilan yang menjalankan pengujian dan mengeluarkan pensijilan serta pelabelan ke atas produk filem penghadang haba kenderaan

# STANDARD

Ujian prestasi yang terpakai untuk filem penghadang haba kenderaan seperti yang dirujuk berdasarkan versi terkini MS 2669 oleh Pihak Berwibawa adalah:

(a) *Visible Light Transmittance (VLT)*

(b) *Ultraviolet Transmittance (UVT)*

(c) *Total Solar Energy Transmittance (TSET) atau Solar Factor (SF)*

Ujian cuaca di mana ujian yang dibuat untuk mengukur prestasi produk menurun tidak melebihi 4% dan mampu mengekalkan prestasi dan kualiti sekurang-kurangnya lima tahun.

Pemeriksaan kualiti pada bahan pelekat. Pemeriksaan dibuat melalui *thermal test* yang merangkumi *boil test* atau *bake test* bagi mengukur kualiti pada bahan pelekat yang diluluskan oleh Pihak Berwibawa.

# SYOR

Pemilik produk disyorkan untuk mendapatkan pensijilan serta pelabelan ke atas filem penghadang haba kenderaan daripada pihak berwibawa. Pengujian hendaklah dibuat oleh SIRIM QAS Intl. atau mana-mana makmal pengujian yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia.

Pemilik produk disyorkan untuk memilik dan menggunakan alat pengukur serta standard pengukuran kebangsaan yang telah ditentukan oleh Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) bagi mengukur VLT.

Pemilik produk disyorkan untuk menunjukkan keputusan ujian sebelum dan selepas pemasangan filem penghadang haba kenderaan sebelum pengguna bersetuju dengan pembekalan filem penghadang haba kenderaan tersebut.

## **PENARIKAN BALIK**

Pemilik produk disyorkan supaya membuat penarikan balik ke atas filem penghadang haba kenderaan secara sukarela dari pasaran jika mendapati bahawa produk keluarannya tidak mendapat pensijilan dan/atau terdapat arahan penarikan balik dari pasaran oleh negara luar. Setiap arahan penarikan balik oleh negara luar perlulah dimaklumkan kepada KPDNHEP bagi tujuan rekod dan pemantauan


## **PENGEMUKAAN MAKLUMAT**

Sebelum label pematuhan standard dikeluarkan oleh Pihak Berwibawa, Pemilik Produk diminta mengemukakan maklumat profil dan aktiviti perniagaan syarikat kepada KPDNHEP bagi tujuan rekod dan pemantauan pematuhan standard yang telah ditetapkan

# **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

Mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan semua jenis filem penghadang haba kenderaan dalam Malaysia hendaklah mematuhi perundangan sedia ada seperti di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972

# PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



## **PEMAKAIAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini terpakai mulai  
20 Jun 2019 sehingga mana-mana  
tarikh yang akan ditentukan oleh  
KPDNHEP

# MAKLUMAT PERHUBUNGAN

## Pengarah

Bahagian Standard Kepenggunaan KPDNHEP

Aras 4, Blok Podium 2, No. 13, Persiaran  
Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan, 62623 Putrajaya

Tel: 03-8882 5886

Faks: 03-8882 6960

E-mel: [mystandard@kpdnhep.gov.my](mailto:mystandard@kpdnhep.gov.my)

## Pengarah Urusan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

1, Persiaran Dato' Menteri, P.O. Box 7035,  
Seksyen 2, 40700 Shah Alam, Selangor

Toll free: 1-300-88-7035

Tel: 03-5544 6400

Faks: 03-5544 6810

E-mel: [cserviceqas@sirim.my](mailto:cserviceqas@sirim.my)

A close-up photograph of a person's hands interacting with a car's sunroof control panel. The hands are positioned over a dark, textured control area. The background shows the interior of the car, including the window frame and a glimpse of the outside world through the glass. The overall tone is slightly desaturated, giving it a cinematic feel.

**SEKIAN,  
TERIMA KASIH**